

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 23.09.2022 MASA: 3.40pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI  
BANDARAYA SEBERANG PERAI KE-3 TAHUN 2022**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**25 SEPTEMBER 2022 (AHAD)**  
**10.30 PAGI**

**MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini bersempena Program Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Seberang Perai Ke-3 Tahun 2022.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai serta para hadirin sekalian yang sudi hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada pagi yang indah ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur Program di atas komitmen yang jitu dan padu dalam kejayaan menganjurkan program ini.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada tanggal 16 September 2019, Pulau Pinang menempah satu sejarah baru apabila Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandaraya. Dengan pengisytiharan tersebut, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang ke-14 dinaik taraf sebagai bandaraya sekaligus menjadikan Negeri Pulau Pinang satu-satunya *city state* di Malaysia di mana setiap inci tanahnya ditadbir oleh Bandaraya.

Selepas dinaik taraf sebagai bandaraya, MBSP menggalas tanggungjawab yang lebih besar bagi mengekalkan pencapaian sedia ada merealisasikan harapan rakyat untuk menjadikan Seberang Perai *Smart Sustainable City* selaras dengan wawasan ***Penang2030*** iaitu “***A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation***”. Dengan wujudnya pelan hala tuju yang komprehensif, pentadbiran MBSP memfokuskan kepada urus tadbir yang cekap, berakauntabiliti dan mementingkan ketelusan serta responsif, melalui penyampaian perkhidmatan terbaik, efisyen dan efektif.

Dalam merealisasi MBSP sebagai sebuah organisasi yang dinamik dan berorientasikan rakyat atau “*City for All*”, MBSP bertanggungjawab dalam memastikan apa juga perancangan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan serta bertindak lebih proaktif, inovatif dan inklusif dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap dan cemerlang terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya sentiasa menyarankan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) sentiasa diamalkan dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan dalam tugas-tugas harian.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sempena Program Sambutan Ulang Tahun Ke-3 Bandaraya Seberang Perai pada hari ini, MBSP telah merangka dan menganjurkan pelbagai aktiviti serta promosi bermula awal pagi tadi yang terdiri dari

penjualan makanan *Food Truck*, *Carboot Sale*, Jualan My Best Buy, Pertandingan Mewarna Peringkat Kanak- Kanak; Pertandingan Memasak Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional dan Kakitangan MBSP, Karnival 8R, Pertandingan Deko Kek Untuk Anak-Anak Kakitangan MBSP, Jualan Pokok dan Pertandingan *Karaoke*.

Saya percaya, penyertaan warga kerja MBSP dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan hari ini akan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Sokongan padu sebeginilah yang perlu ditonjolkan oleh warga kerja MBSP. Usaha sebegini adalah penting kerana dengan adanya penganjuran program dan pelbagai aktiviti yang sihat sebegini, dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan warga kerja MBSP, dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan dan juga menjadi platform terbaik untuk merapatkan hubungan di antara pihak pengurusan dengan warga kerja.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin memaklumkan satu kejayaan cemerlang yang dicapai baru-baru ini hasil daripada usaha-usaha memberangsangkan daripada warga kerja MBSP.

Dalam The 9<sup>th</sup> Citynet Congress 2022 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 20 sehingga 23 September baru-baru ini, penulisan rencana MBSP “*Welcome to Kota Aur Village North Seberang Perai*” yang dipaparkan di website Citynet dan meraih 1,119,063 views telah berjaya melayakkan MBSP menjadi 12 *finalist*. Di antara penulisan lain yang terpilih adalah daripada DBKL, Suwon City, Colombo, Matsuyama, Sidoarjo Regency, Seoul Digital Foundation, Lalitpur City, Hanoi City, Quezon City, Seoul Tourism Organization dan Think City. Selepas daripada pembentangan terakhir, penulisan oleh MBSP telah berjaya meraih tempat kedua dalam Pertandingan SDG ini. Syabas dan tahniah buat semua Warga MBSP dan Seberang Perai.

Selain itu, susulan daripada kejayaan Seberang Perai diisytiharkan sebagai “*National Winner of the One Planet City Challenge (OPCC) 2022*” di peringkat kebangsaan dan juga memenangi anugerah “*National & Global Finalist of the One Planet City Challenge 2022*”, MBSP telah melayakkan diri untuk menyertai kempen *We Love Cities* yang akan bermula pada 19 September 2022 sehingga 31 Oktober 2022.

*We Love Cities* ialah kempen penglibatan awam yang membolehkan orang ramai di seluruh dunia menyatakan sokongan untuk pembangunan

bandar yang mampan dengan mengundi bandaraya kegemaran mereka daripada *WWF's One Planet City Challenge* dan menyiarakan cadangan penambahbaikan untuk bandar-bandar ini. Kempen *We Love Cities* membuka peluang kepada orang ramai untuk merai, mengundi dan menaik taraf bandar mereka melalui media sosial. Mana-mana bandaraya yang terlibat dalam kempen ini dan mendapat undian terbanyak melalui media sosial akan diiktiraf sebagai *Most Loveable City* di peringkat global.

Justeru, saya mohon kerjasama semua warga kerja MBSP dan para hadirin sekalian untuk bekerjasama dalam menjayakan kempen ini pada 30 Oktober 2022 melalui penyertaan aktif dalam media sosial seperti *Facebook, Instagram* dan *Tweeter* dengan menekan “*Like*”.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Untuk makluman, sebentar lagi kita akan meraikan pemenang-pemenang beberapa pertandingan yang telah diadakan sepanjang Bulan Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai.

1. **Pertandingan ‘*Bring Your Mealbox To Work*’** di bawah anjuran Pasukan Kerja LA21, di mana para peserta perlu membawa sarapan / makanan tengahari menggunakan bekas makanan sendiri. Tujuan pertandingan adalah untuk mendorong

- kakitangan MBSP untuk membiasakan diri membawa bekas makanan sendiri dan mengurangkan penggunaan bekas plastik / plastik sekali guna. MBSP telah menerima sebanyak 27 penyertaan dan pemenang dipilih bersandarkan kreativiti dan jumlah hari yang ditunjukkan di video yang dimuatnaik melalui aplikasi TikTok.
2. **Pertandingan Kampung Dan Taman Bersih 2022** yang bertujuan untuk menggalakkan keterlibatan komuniti atau masyarakat setempat untuk membersihkan serta mencantikkan kawasan taman. Dengan adanya penyertaan masyarakat ini maka ia akan membentuk satu kerjasama erat di antara MBSP dan masyarakat bagi meningkatkan kebersihan di dalam sesuatu kejiranann.
3. **Program Pengiktirafan Kontraktor Contoh bagi Perkhidmatan Pembersihan Am Jalan di Seberang Perai.** Pengiktirafan Kontraktor Contoh mampu meningkatkan kualiti pembersihan di Seberang Perai dengan mewujudkan persaingan sihat sesama kontraktor lantaran menjadi pemangkin semangat buat kontraktor-kontraktor lain untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik.
4. **Pertandingan Teka Silang Kata Hari Bandaraya MBSP 2022.**

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pemenang yang akan menerima hadiah sebentar lagi bagi pertandingan-pertandingan yang telah dianjurkan oleh MBSP.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP akan sentiasa memastikan segala usaha yang dilaksanakan adalah seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir yang menyokong program-program dan usaha-usaha MBSP menuju ke arah kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandar ini selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon. Jadikan cabaran sebagai pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas sokongan dalam menjayakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Seberang Perai Ke-3 Tahun 2022 pada pagi ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***